



Mangsa nahas maut nyaris tertukar identiti

Oleh [Khairulmizan Yahya](#) - April 3, 2023 @ 3:20pm
bhnews@bh.com.my



Keadaan Perodua Myvi selepas berlanggar dengan treler menyebabkan dua maut di Jalan Rompin Lama, dekat Nenasi, Pekan. Foto ihsan bomba

PEKAN: Tindakan membawa MyKad milik individu lain, menyebabkan identiti seorang daripada dua mangsa kemalangan maut yang berlaku di Kilometer 55, Jalan Pekan-Rompin dekat Nenasi di sini pagi tadi, nyaris tertukar.

Dalam kejadian jam 8.46 pagi itu, pasukan penyelamat menyangka mangsa yang meninggal dunia adalah Jemilah Awang Ngah, 74, dari Kampung Jambu, Mukim Langgar, di sini, berikutan penemuan kad pengenalan warga emas terbabit padanya.

Bagaimanapun identiti sebenar mangsa terbabit kemudian dikenal pasti sebagai Ruzana Mohamad Agin, 50, dari Perumahan Dato Shahbandar di sini.

Namun hubungan sebenar kedua individu berkenaan belum dikenal pasti.

Seorang lagi mangsa yang meninggal dunia adalah Suhaizan Abdullah, 41, dari Kampung Bentan, Kuala Pahang di sini, yang bekerja sebagai Pembantu Perangkaan di Jabatan Perangkaan Pahang.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah, Deputi Superintendan Zaidi Mat Zin, berkata siasatan awal mendapati, kedua-dua mangsa yang menaiki kereta Perodua Myvi dalam perjalanan dari arah Pekan menghala ke Rompin.

"Apabila melalui selekoh di tempat kejadian, kereta dinaiki mangsa telah terbabas akibat jalan licin menyebabkan ia memasuki laluan bertentangan sebelum berlanggar treler yang datang dari arah hadapan.

"Akibat kemalangan itu, Ruzana yang memandu kereta terbabit serta Suhaizan yang duduk di tempat duduk hadapan meninggal dunia di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Zaidi berkata, siasatan di lokasi kejadian mendapati jalan terbabit mempunyai satu lorong dua hala manakala cuaca ketika kejadian mendung selepas hujan.

"Siasatan lanjut mengenai kejadian ini akan dilakukan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan orang ramai yang menyaksikan kejadian itu diminta tampil memberikam maklumat," katanya.